



## **DASAR PEMBERSIHAN RUMAH / TANAH TERBIAR YANG MENIMBULKAN KACAU GANGGU**

### **1. DEFINISI**

Pembersihan akan dijalankan oleh MPS apabila wujud keadaan kacau ganggu antaranya seperti berikut:-

- 1.1 Semak samun/tumbuhan liar
- 1.2 Tempat pembiakan haiwan berbahaya seperti ular
- 1.3 Tempat pembiakan rodensia seperti lipas dan tikus
- 1.4 Tempat pembiakan nyamuk Aedes
- 1.5 Tempat pembuangan sampah haram
- 1.6 Tempat pengumpulan barang lusuh/kitar semula.

### **2. APAKAH TANGGUNGJAWAB PEMILIK RUMAH/TANAH TERBIAR?**

- 2.1 Memastikan kawasan persekitaran rumah/tanah dibersihkan agar tidak mendatangkan kacau ganggu kepada jiran sekeliling.
- 2.2 Menjalankan kerja-kerja pembersihan seperti pemotongan rumput secara berkala iaitu sebulan sekali.

### **3. APAKAH TANGGUNGJAWAB MPS?**

Seksyen 49A, Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961.

- 3.1 Tanggungjawab MPS untuk menghapuskan kacau ganggu dan mengambil tindakan undang-undang.

#### 4. PROSEDUR

4.1 MPS mengeluarkan notis untuk menghapuskan kacau ganggu, tempoh 14 hari diberikan kepada pemilik/penghuni untuk menghapuskan kacau ganggu Seksyen 49 C (1)

4.2 SEKIRANYA GAGAL, Majlis akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan kos akan ditanggung oleh pemilik. Kos ini akan dimasukkan ke dalam bil cukai pintu pemilik.

- Seksyen 49 C(1)
- Seksyen 61 (Caj servis boleh dimasukkan ke dalam cukai pintu).

#### 5. KOS PEMBERSIHAN MENGIKUT JENIS RUMAH

5.1 Rumah Tepi - RM195.00

5.2 Rumah Tengah - RM130.00

5.3 Rumah Banglo/sebuah - RM260.00

5.4 Penebangan Pokok berdasarkan caj semasa MPS

5.5 Tanah Kosong - RM0.22 sen satu meter persegi